

YAP AN CHAI & 3 OTHERS (KESEMUANYA BERNIAGA SEBAGAI HONG
GUAN COMPANY) v RHB BANK BERHAD (DAHULUNYA DIKENALI SEBAGAI
KWONG YIK BANK BERHAD)

CaseAnalysis
| [2002] MLJU 161

YAP AN CHAI & 3 OTHERS (KESEMUANYA BERNIAGA SEBAGAI HONG
GUAN COMPANY) v RHB BANK BERHAD (DAHULUNYA DIKENALI
SEBAGAI KWONG YIK BANK BERHAD) [2002] MLJU 161

Malayan Law Journal Unreported · 4 pages

HIGH COURT (KUALA LUMPUR)

ABDUL HAMID BIN SAID H

GUAMAN CIVIL NO S2-22-10-2001

1 April 2002

Case Summary

Civil Procedure — Action — Reinstatement of action — Action struck off due to absence of plaintiffs' counsel — Whether explanation given for absence was acceptable — Whether court could invoke O 92 r 4 of the Rules of the High Court 1980 to reinstate action

See Kwong Yan with David Gurupatham (M/s. David Gurupatham & Associates), Wong Khian Kong (M/s. Lee Hishamuddin)

ALASAN PENGHAKIMAN

Plaintif tidak hadir pada 20.7.2001 apabila kes ini ditetapkan untuk Pengurusan Kes. Yang demikian Mahkamah telah membatalkan tuntutan plaintif mengikut A 34 k 3(1) KMT 80.

Pada 23.7.2001 plaintif telah memfailkan Saman Dalam Kamar (SDK) memohon supaya pihak plaintif diberi kebenaran untuk menghidupkan semula Writ Saman dan Pernyataan Tuntutan (Tuntutan) plaintif bertarikh 9.1.2001. Plaintif juga memohon supaya Pernyataan Tuntutan plaintif yang dibatalkan pada 20.7.2001 dihidupkan semula.

Alasan yang diberi peguam plaintif bagi permohonannya ialah ia demam panas dan terpaksa ke klinik untuk mendapatkan rawatan. Doktor yang bertugas telah memberi peguam plaintif cuti sakit pada 20.7.2001. Tetapi borang yang digunakan tidak mengikut Akta Perubatan (Pindaan) 1977, Borang 14 (Perubatan 24) iaitu Borang Peraturan-Peraturan Perubatan (Pindaan) 1997 P.U.(A) 376.

Peguam defendan membangkitkan isu bahawa Hakim Mahkamah Tinggi (HMT) tidak mempunyai bidangkuasa menghidupkan semula tindakan guaman plaintif. Ini katanya adalah kerana A 34 KMT [*2]

80 merupakan peruntukan khusus yang lengkap dan tidak terdapat peruntukan nyata yang memberi kuasa kepada HMT menghidupkan semula tindakan yang telah dibatalkan.

Pemohon kata responden perlu merayu terhadap keputusan HMT mengikut s. 67(1) Akta Mahkamah Kehakiman 1964.

Di dalam keadaan permohonan ini peguam plaintif sakit pada hari Pengurusan Kes (PK) tidak dicabar atau dipertikaikan. Borangnya tidak kepada saya menjadi isu, Kandungannya yang penting. Fakta kes dalam kes *Dato' Leong Pow Kue & Ors. v Gan Kim Sing* (1998) 7 MLJ 133 yang dipetik peguam defendan adalah berlainan. Kepada saya alasan yang diberi peguam plaintif adalah munasabah. Keracunan makanan membawa kepada demam panas atau pun sebaliknya.

Hendaklah diingati bahawa A2 k 2(1) KMT 80 jelas mengatakan bahawa:

"..... kegagalan untuk mematuhi kehendak-kehendak kaedah-kaedah ini, sama ada berkenaan dengan masa, tempat, cara bentuk atau isi kandungan atau dalam apa-apa jua segi lain, maka kegagalan itu hendaklah dikira sebagai luar aturan dan ia tidak membatalkan prosiding itu,....."

[*3]

A92 k 4 KMT 80 menjelaskan kuasa Mahkamah bahawa ".....tiada apa-apa jua dalam kaedah-kaedah ini boleh disifatkan sebagai menghadkan atau menjejaskan kuasa-kuasa sedia ada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketidakadilan....."

Mahkamah Persekutuan dalam kes *Megat Najmuddin bin Dato' Seri (Dr) Megat Khas dan Bank Bumiputra Malaysia Berhad* (2002) 1 MLJ 385 memutuskan:

".....Rules are rules! They must be obeyed. Numerous judgments can be cited in support of this firm stand on the necessity for a strict adherence of the rules. I agree. However, a judge should not be so besotted by the rules that his sense of justice and fairness becomes impaired because of his blinkered fixation on technicalities of the law and the cold letter of the law....." per Mokhtar Abdullah, Hakim Mahkamah Persekutuan.

Pembatalan yang dibuat pada 20.7.2001 kerana ketidakhadiran peguam plaintif adalah atas alasan Mahkamah tidak ketahui atau pun dimaklumkan sebab peguam itu tidak hadir. [*4]

A2 k (1) KMT 80 dan A92 k (4) memberi kuasa kepada Mahkamah mengkaji ketidakpatuhan kepada kaedah Mahkamah dengan tujuan keadilan. Seperti diputuskan Y.A. Mokhtar Abdullah

selanjutnya dalam kes tersebut di atas:

"Therefore, a fair minded judge should look at all the circumstances of the case before penalizing the party who infringes any particular rule of procedure....."

Di dalam kes di hadapan Mahkamah adalah disedari bahawa ia adalah kegagalan peguam plaintif hadir pada Pengurusan Kes. Apabila Mahkamah mengetahui sebabnya, maka ia boleh menggunakan A92 k 4 KMT 80.

Edgar, Judge, pada masa itu, memutuskan dalam kes *Pacific Centre Sdn. Bhd. v United Engineers (M) Bhd.* (1984) 2 MLJ 143 di muka surat 147:

"It is also clear that the inherent jurisdiction of the Court includes all the powers that are necessary "to fulfil itself as a Court of Law"; "to uphold, to protect, and to fulfil the judicial function of administering justice according to law in a regular, orderly and effective manner."

[*5]

Adalah kurang munasabah menghujahkan bahawa Mahkamah tidak mempunyai kuasa menggunakan kuasa yang sedia ada kerana adanya A34 KMT 80. Seperti diputuskan dalam kes *R. Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* (1997) 1 MLJ 145, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa A 92 k 4 KMT 80 "..... a unique rule of court for while it neither defines nor gives jurisdiction, yet it serves as a reminder and confirmation - lest me forget - of the common law powers of the court, which are residuary or reserve powers and a separate and distinct source of jurisdiction from the statutory powers of the court."

(23) Perintah seperti di pohon dan kos dalam kausa.

End of Document